Diploma Tertinggi Perguruan Agama

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit	
1	BA 0201	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH I	3	(2+1)
2	BA 0202	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH II	3	(2+1)
3	BA 0203	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH III	3	(2+1)
4	BA 0204	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH IV	3	(2+1)
5	BA 0205	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH V	3	(2+1)
6	BA 0206	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH VI	3	(2+1)
7	BI 0201	ENGLISH LANGUAGE I	2	(1+1)
8	BI 0202	ENGLISH LANGUAGE II	2	(1+1)
9	BI 0203	ENGLISH LANGUAGE III	2	(1+1)
10	BM 0201	BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN I	2	(2+0)
11	BM 0202	BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN II	2	(2+0)
Jumlah Kredit			28	

Bahasa Arab Tujuan Khas

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit	
1	BA 0240	Diploma Pengajian Tauhid	2	(1+1)
2	BA 0240	Diploma Pengajian Tafsir	2	(1+1)
3	BA 0240	Diploma Pengajian fiqh	2	(1+1)
4	BA 0240	Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh	2	(1+1)

Program Diploma Pergutuan Ugama Lepas Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab bagi Penutur Bukan Arab)

قوسـت قـعـكـاـجـيـن كـفـهـمـن أهـل السـنـة والـجـمـاعـة

Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah

Pengenalan 80

Misi 80

Matlamat 80

Objektif 80

Program Dan Aktiviti Yang Dijalankan 81

Staf 81

قشنا لن Pengenalan

Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah (PPKASWJ) diperkenankan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerusi warkah bilangan HMPO 4/2007/IV bertarikh 06 Mac 2011. Pusat ini seterusnya diisytiharkan penubuhannya oleh Baginda sendiri pada 24 Rabiulakhir 1432 bersamaan 29 Mac 2011 bersempena dengan Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah anjuran Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersempena Sambutan Jubli Perak Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat yang dihasratkan untuk mengukuhkan pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah di Negara Brunei Darussalam ini diletakkan di bawah pentadbiran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

ميسي

Misi

Memperkasa kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah sebagai pegangan ugama tulen di Negara Brunei Darussalam dalam mendidik masyarakat agar sentiasa diredhai dan diberkati oleh *Allah Subahanahu Wata'ala*.

متلا مت

Matlamat

Memelihara dan mengukuhkan kedudukan Ahli Sunnah Waljama'ah di Negara Brunei Darussalam dan juga rantau Asia Tenggara.

اوبجكتيف

Objektif

- Menjadi pusat pengkajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan masyarakat, negara dan ummah.
- Merintis budaya penulisan dan penyelidikan di kalangan tenaga akademik KUPU SB khususnya dan para intelektual serta ahli-ahli akademik ugama umumnya.
- Berusaha menjalin hubungan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan di dalam dan luar negara untuk menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.
- Sebagai pusat pengumpulan data dan maklumat serta bahan-bahan rujukan Islam berhubung kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.
- Sebagai satu saluran pemberian perkhidmatan akademik dan sumbangan ke arah penghayatan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, serta memperkukuh konsep Negara Zikir dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja di Negara Brunei Darussalam.

قروكرم دان اکتیویتی یغ دجالنکن

Program Dan Aktiviti Yang Dijalankan

1. Program Pemantapan Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah.
2. Program Jerayawara Majlis Ilmu.
3. Jurnal Antarabangsa Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.
4. Penerbitan Buku rujukan Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah.
5. Penerbitan Buku Panduan awam Ahli Sunnah Waljama'ah.
6. Penyelidikan teras Aqidah dan Tasawuf Ahli Sunnah Waljama'ah.
7. Penyelidikan Isu dan Cabaran Ahli Sunnah Waljama'ah.
8. Kuliah dan Ceramah Umum Kefahaman dan Cabaran Ahli Sunnah Waljama'ah.
9. Persidangan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.
10. Ihya Turath Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah.

ستاف Staf



Pengarah

Prof. Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo

Ph.D (Usuluddin & Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; M.A (Falsafah Islam), Universiti Cairo; Mesir; B.A (Aqidah & Falsafah), Universiti al-Azhar, Mesir.



Pensyarah Kanan

Dr Azmin bin Yusuf


Ph.D Syariah (Kekeluargaan Islam), Universiti Khartoum, Sudan; M.A (Syariah), Universiti Malaya, Malaysia; B.A (Hons) Syariah, Universiti Qurawiyeem, Morocco.



Pegawai Penyelidik

Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa

M.A Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; B.A (Syariah), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.



Staf Sokongan

Hajah Madah bin Haji Jaludin

قوسٲ قٲاجين لقس اُجازه دان قٲليدين

PUSAT PENGAJIAN LEPAS IJAZAH DAN PENYELIDIKAN

Pengenalan 84

Misi 84

Objekif Pengajian Lepas Ijazah 84

Objektif Penyelidikan 84

Peranan dan Pelan Tindakan 85

Program-Program yang diselaraskan 85

Staf 86

قنالن

Pengenalan

Pusat ini ditubuhkan pada 01 Julai 2009 bagi mempelbagaikan program pengajian peringkat sarjana dan Doktor Falsafah di KUPU SB.

ميسي

Misi

Memartabat Kesarjanaan dan Penyelidikan Pendidikan Agama

اوبجيكثيف قنالن لقس إجازة

Objektif Pengajian Lepas Ijazah

- i. Menghasilkan program-program lepas ijazah; diploma-diploma lepas Ijazah, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran dalam bidang-bidang perguruan agama bertaraf antarabangsa yang memenuhi hasrat agama, negara dan bangsa.
- ii. Menghasilkan sistem pengajian, pentadbiran dan pengurusan pengajian lepas ijazah yang sistematik, komprehensif dan bertaraf antarabangsa.
- iii. Melahirkan graduan program lepas ijazah yang berilmu, berwibawa serta akur sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya yang memikul tanggungjawab melahirkan, membentuk serta membina masyarakat manusia yang berilmu, beriman dan beramal.
- iv. Menghasilkan program-program lepas ijazah dan penyelidikan siswazah yang mempunyai nilai kesarjanaan bertaraf antarabangsa serta nilai aplikasi yang menjana kesejahteraan umat manusia sejagat.
- v. Mewujudkan suasana pengajian lepas ijazah yang kondusif bagi tenaga pengajar dan siswa dan siswi pengajian lepas ijazah.
- vi. Mengantarabangsakan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan melalui jaringan kerjasama pendidikan lepas ijazah dengan negara-negara luar.
- vii. Menghasilkan rekod, pengkalan data dan jaringan pengajian dan kajian siswazah yang sistematik, komprehensif serta mudah diperolehi bagi keperluan perkembangan dan pemanfaatan ilmu.
- viii. Melaksana dan menjayakan misi dan visi program lepas ijazah dan penyelidikan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

اوبجيكثيف قنالن قنالن

Objektif Penyelidikan

- i. Menghasilkan penyelidikan-penyelidikan ilmiah bermutu yang menekankan nilai aplikasi yang menyumbang kepada pengembangan ilmu, manusia dan alam sejagat.
- ii. Membina masyarakat penyelidik di kalangan tenaga akademik khususnya dan semua anggota Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan amnya.
- iii. Menjadikan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan sebagai sebuah institusi penyelidikan yang terunggul dalam penyelidikan keguruan dan pendidikan agama.
- iv. Menjadi tunas serta penggerak bagi penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Perguruan

dan Pendidikan Islam di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

- v. Mewujudkan kemudahan, prasarana, pentadbiran dan pengurusan penyelidikan yang sempurna, sistematik dan berdaya maju.
- vi. Membina pengkalan data penyelidikan yang sistematik dan komprehensif serta mudah diperolehi bagi tujuan pengembangan dan pemanfaatan ilmu.

قران دان قلن تيندقن

Peranan dan Pelan Tindakan

- i. Bekerjasama dengan fakulti, pusat dan jabatan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, menghasilkan program-program lepas ijazah; diploma-diploma lepas ijazah, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran dalam bidang-bidang keperguruan ugama bertaraf antarabangsa yang memenuhi hasrat ugama, negara dan bangsa.
- ii. Melaksana, menyelaras, memantau dan menilai program-program lepas ijazah dan perlaksanaannya menurut peraturan, misi dan visi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- iii. Mentadbir, mengurus dan merekod aktiviti-aktiviti program pengajian lepas ijazah dan penyelidikan secara sistematik dan komprehensif.
- iv. Menyedia, memperbaiki dan menilai dari masa ke semasa dokumen-dokumen yang berkaitan dengan polisi, garis pandu, pentadbiran dan pengurusan pengajian lepas ijazah dan penyelidikan.
- v. Mewujudkan kemudahan dan suasana yang kondusif bagi perjalanan dan pengembangan pengajian lepas ijazah dan penyelidikan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- vi. Merekod dan menyediakan pengkalan data yang lengkap, sistematik serta komprehensif bagi program-program pengajian lepas ijazah dan penyelidikan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- vii. Merancang dan melaksanakan kursus, latihan, bengkel, seminar, pameran, persidangan, penerbitan, iklan dan aktiviti-aktiviti seumpamanya yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengembangan program lepas ijazah dan penyelidikan.
- viii. Menyediakan jaringan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk kemajuan dan pengembangan program lepas ijazah dan penyelidikan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- ix. Mengawal dan memantau mutu program lepas ijazah dan penyelidikan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- x. Melaksana dan menjayakan misi dan visi program lepas ijazah dan penyelidikan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

قروكرم- قروكرم يث دسلارسكن

Program-Program Yang Diselaraskan

- 1. DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA (USULUDDIN)
- 2. DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA (SYARIAH)
- 3. DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA (PENDIDIKAN)
- 4. DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA (BAHASA ARAB)
- 5. SARJANA PERGURUAN UGAMA (AQIDAH)
- 6. SARJANA PERGURUAN UGAMA (FIQH)

7. SARJANA PERGURUAN UGAMA (PENYELIAAN)
8. SARJANA PERGURUAN UGAMA (KURIKULUM)
9. SARJANA PERGURUAN UGAMA (PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN)
10. SARJANA PERGURUAN UGAMA (SASTERA ISLAM)
11. DIPLOMA PERGURUAN UGAMA LEPASAN IJAZAH

ستاف Staf



Pengarah

Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha

Ph.D (pendidikan), International Islamic University Malaysia, Malaysia, M.A TASL, Khartoum International Institute for Arabic Language, Sudan, B.A (Pendidikan), Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

Penyelaras Program Lepas Ijazah



Norashibah binti Haji Awang Besar (Fakulti Usuluddin)

M.A (Usuluddin), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam; B.A Usuluddin (Hadith Wa Ulumuhu), Universiti al-Azhar, Mesir; SPLI (Menengah-Ugama), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.



Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh (Fakulti Syariah)

Ph.D Pengajian Islam (Syariah), UKM, Malaysia; M.A Pengajian Islam (Syariah) UKM, Malaysia; B.A (Syariah Islamiyyah Wa Al-'Arabiyah) Universiti Al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL) UBD, Brunei Darussalam;



Zulkifli bin Haji Zakaria

M.A Pendidikan (Pendidikan Islam), Universiti Brunei Darussalam, B.A Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam, Sijil Latihan Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.



Penolong Pendaftar

Amshahnoorwadi binti Haji Yakub



Staf Sokongan

Hj Rahimah binti Hj Abdul Rahman

قۇست مولتىمىدى دان تېكنولوگىي

PUSAT MULTIMEDIA DAN TEKNOLOGI

Misi 88

Fungsi 88

Staf 88

ميسي

Misi

Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

فوغسي

Fungsi

1. Memberi perkhidmatan dari segi peralatan pembelajaran, perisian komputer kepada semua fakulti, pusat dan bahagian bagi meningkatkan dan memantapkan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi di KUPU SB.
2. Menyediakan prasarana yang stabil dan dikemaskini dari masa ke semasa bagi mensejajarkan keupayaan sistem rangkaian dan aplikasi.
3. Menyelidik dan memberi maklumat terkini mengenai aplikasi, peralatan dalam pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian.
4. Memberi latihan yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi bagi seluruh pegawai dan kakitangan yang berkaitan dengan tugas mereka.

ستاف
Staf



Pengarah Merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

Ahmad Humaizi bin Haji Samihon

*M.Ed (Information Technology in Education), Birmingham University, United Kingdom;
B.A Primary Education, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.*



Penganalisa Sistem Kanan Merangkap Ketua Pegawai teknikal (CTO)

Awang Haji Danial bin haji Ibrahim



Pegawai Teknologi Pendidikan

Awang Ahmad bin Damit



Penjadual (Programmer)

Dayang Hajah Maslina binti Haji Ahmad



Juruteknik Media
Mahmud bin Hussain



Pembantu Teknologi Pendidikan
Haji Abdul Hakim bin Haji Abdul Hamid



Pembantu Bilik Makmal
Syahmi Hasif bin Sabtu



Pengendali Sistem
Dk Siti Nabilah binti Pg Haji Momin



قوسٲ قزبیتن

PUSAT PENERBITAN

Pengenalan 90

Fungsi 90

Matlamat 90

Staf 91

Ahli Jawatankuasa 91
Penerbitan

Tugas dan Tanggungjawab 93
Jawatankuasa Penerbitan

قشنا لن Pengenalan

Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan ditubuhkan untuk menyebarkan pengalaman, hasil penyelidikan dan tulisan ahli akademiknya kepada warga kampus khususnya dan masyarakat Negara Brunei Darussalam serta serantau umumnya. Pusat Penerbitan mengambil inisiatif untuk menjadikan hasil tulisan ahli akademik tersebut sebagai manuskrip yang berpotensi untuk diterbitkan.

فونسي Fungsi

- Menerbitkan bahan-bahan ilmiah para sarjana dan ilmuan Negara Brunei Darussalam lulusan dalam dan luar negeri.
- Mengendalikan penerbitan buku, jurnal, prosiding, dan buletin.
- Mengendalikan penerbitan kerja-kerja rampaian seperti buku program, brosur, sijil dan lain-lain.
- Merancang dan menentukan pengeluaran buku.
- Mengumpul, menilai, menyunting, menyemak bahan-bahan yang akan diterbitkan.
- Mempromosikan buku-buku terbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di peringkat lokal dan luar negeri.

متلامت Matlamat

- Menggalakkan setiap ahli akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan khususnya untuk menyelidik, menulis dan menerbitkan hasil penyelidikan mereka.
- Menerbitkan buku-buku ilmiah berkualiti khususnya di bidang pendidikan dan perguruan ugama dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.
- Memberikan kupasan dan maklumat bernas terhadap sesuatu topik atau isu mengenai pendidikan menerusi Jurnal Perguruan yang diterbitkan setahun sekali.
- Memberikan kupasan dan maklumat bernas terhadap sesuatu topik atau isu mengenai Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah menerusi Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah (Berwasit Antarabangsa) yang diterbitkan dwitahunan.
- Menyampaikan berita terkini dan maklumat kegiatan-kegiatan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan menerusi penerbitan buletin Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang diterbitkan secara berkala (dwitahunan).

ستاف Staf



Ketua Penerbitan

Hajah Tiara binti Haji Basman

M.A (Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; B.A Usuluddin (Tafsir dan Ulum al-Qur'an), Universiti al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.



Penolong Ketua Penerbitan

Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian

B.A. (Syariah Islamiyah), Universiti al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.



Penerbit

Julia binti Radin



Staf Sokongan

Halisah binti Jamil



Staf Sokongan

Pg Timbang bin Pg Hj Serudin

اهلي جواتنكواس قنوبيتن (2016-2014) Ahli Jawatankuasa Penerbitan (2014-2016)



PENGERUSI

Penolong Ra'es

Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha

Ph.D (pendidikan), International Islamic University Malaysia, Malaysia, M.A TASL, Khartum International Institute for Arabic Language, Sudan, B.A (Pendidikan), Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

**TIMBALAN Pengerusi****Ketua Penerbitan**

Hajah Tiara binti Haji Basman

M.A. (Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; B.A Usuluddin (Tafsir dan Ulum al-Qur'an), Universiti al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

**AHLI****Penolong Ketua Penerbitan**

Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian

B.A. (Syariah Islamiyah), Universiti al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

**Pendaftar**

Pengiran Anak Haji Damit Baharuddin bin Pengiran Anak Saifuddin (Pemangku)

M.Sc (Finance & Management), Keele University, United Kingdom; B.A. (Business Administration), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam; BTEC HND (Business & Finance), Southwest London College, United Kingdom.

Bendahari

Pengiran Anak Haji Damit Baharuddin bin Pengiran Anak Saifuddin

M.Sc (Finance & Management), Keele University, United Kingdom; B.A. (Business Administration), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam; BTEC HND (Business & Finance), Southwest London College, United Kingdom.

**Ketua Editor Jurnal Perguruan**

Haji Mohd Salleh Lebar

M.Ed (Education Administration), Ohio University, United State of America; B.A. (Sejarah), Universiti Sains Malaysia, Malaysia; Sijil Perguruan, Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

**Ketua Editor Buletin**

Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah

B.A Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Brunei Darussalam; Sijil Latihan Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Ketua Editor Buku Terbitan**

Dayang Waiduri binti Haji Mohamed Ali

M.A. Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; B.A. (Syariah Islamiyah), Universiti al-Azhar, Mesir; SPLI (Menengah-Ugama), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

**Ketua Editor Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah**

Prof Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo

Ph.D (Usuluddin & Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia; M.A. (Falsafah Islam), Universiti Cairo, Mesir; B.A. (Aqidah & Falsafah), Universiti al-Azhar, Mesir.

**Ketua Penyemak/Penyelaras ejaan jawi**

Haji Yahya bin Apong

M.Ed (Teknologi Maklumat dan Sumber dalam Pendidikan), Universiti Kebangsaan, Malaysia; B.A. (Pendidikan Pengajian Islam), Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam; Sijil Latihan Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Pustakawan**

Awang Haji Metuddin bin Haji Metassan

**SETIAUSAHA**

Penerbit

Dayang Julia binti Radin

**PENOLONG SETIAUSAHA**

Staf Sokongan

Dayang Halisah binti Jamil

توکس دان تڠکوڠجواب جواتنکواس قنوبیتن

Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penerbitan adalah seperti berikut:

1. Menerima, meneliti dan mengesahkan cadangan penerbitan dari mana-mana pihak untuk penerbitan termasuk pengesahan bagi peruntukan kewangan bagi cadangan kepada bahagian kewangan.
2. Menyediakan dan menetapkan garis panduan bagi sesebuah penerbitan.
3. Merancang dan menetapkan bentuk-bentuk dan lain-lain penerbitan termasuk penerbitan khas.
4. Mencadangkan senarai Lembaga Editor bagi lain-lain penerbitan termasuk bagi penerbitan khas.
5. Mencadangkan senarai penilai bagi sesuatu penerbitan atau artikel mengikut keperluan dan kepakaran.
6. Mengesahkan lantikan Lembaga Editor penilai dan lain-lain jawatan yang dicadangkan yang berhubung dengan mana-mana penerbitan.
7. Merancang dan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi menggalakkan penulisan untuk tujuan penerbitan sama ada kepada warga akademik KUPU SB khasnya atau ahli akademik di luar KUPU SB amnya.
8. Sentiasa merancang strategi bagi penerbitan penulisan-penulisan yang berkualiti di kalangan ahli akademik dari lain-lain Univerisiti di dalam dan di luar negara.

بہاکنین حال احوال اکادمیک

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

Pengenalan 96

Misi 96

Tugas dan Tanggungjawab 96

Unit-Unit 97

Staf 99

قنالن

Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Akademik, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Ogos 2007 iaitu susulan penaiktarafan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Bahagian ini memainkan peranan yang sangat penting dalam pentadbiran dan pengurusan hal ehwal yang berkaitan akademik sama ada dari sudut Perkuliahan, Peperiksaan, Kemasukan dan Rekod Pelajar, Pengijazahan dan sebagai urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat utama yang berkaitan akademik di KUPU SB.

Sejak tahun 2007, Bahagian Hal Ehwal Akademik dengan tidak secara langsung memantau dan memeduli perjalanan pengurusan yang berkaitan hal ehwal kemasukan pelajar, hal ehwal peperiksaan dan pentadbiran am akademik di KUPU SB. Pada masa ini pengurusan berkenaan dibahagikan kepada tiga bahagian yang boleh dianggap berada di bawah pentadbiran Pejabat Pendaftar iaitu; (1) Bahagian Hal Ehwal Akademik, (2) Bahagian Peperiksaan, dan (3) Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar. Bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersistematik, maka cadangan penstrukturan semula adalah tepat pada waktunya.

Sejak April 2014, Bahagian Hal Ehwal Akademik [BHEA] diketuai dan ditadbir oleh seorang Timbalan Pendaftar (Akademik) dan akan dibantu oleh Penolong-penolong Pendaftar bagi setiap unit di bawahnya.

ميسي

Misi

Memberikan perkhidmatan akademik melalui pengurusan dan pentadbiran yang berlandaskan peraturan selaras dengan misi dan visi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

توكس دان تڤكوغجواب اونيت ٢

Tugas dan Tanggung jawab Unit-unit

Secara umumnya BHEA bertanggungjawab untuk mengurus pengambilan, pendaftaran pelajar baru, pendaftaran kursus, penjadualan kuliah, tempahan ruang kuliah dan peperiksaan, peperiksaan, pengijazahan dan pengesahan senat serta membantu dalam hal ehwal konvokesyen. Selain itu juga, bahagian ini berperanan untuk memberi khidmat nasihat mengenai permohonan kemasukan ke KUPU SB, pendaftaran kursus dan perancangan akademik serta peperiksaan dan status pengajian.

اونيت قنتدبيران عام اكاديمك دان قرسيداغن

Unit Pentadbiran Am Akademik dan Persidangan:

- Menyediakan Taqwim dan Rancangan Tahunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang berkaitan dengan fakulti dan pusat.
- Pengurusan Mesyuarat Akademik: (sebagai urus setia) iaitu; (a) Senat KUPU SB, (b) Jawatankuasa Perancangan dan Pemantauan Akademik Universiti (JPPAU), (c) Lembaga Peperiksaan Kolej Universiti (LPKU), (d) Jawatankuasa Kemasukan (JKK), (e) Jawatankuasa Persidangan dan Cuti Persidangan (JPCP), dan (f) Jawatankuasa Pengiktirafan Kelulusan bagi Tujuan Kemasukan Mengikuti Pengajian di KUPU SB (JKPK).
- Mengurus proses pengesahan, kelulusan dan pengiktirafan program baharu, penstrukturan/semakan semula kurikulum, membantu menyediakan peraturan atau panduan berkaitan kurikulum pengajian.
- Bertanggungjawab dalam menyediakan dan menetapkan kod-kod bagi setiap kursus yang ditawarkan.
- Memantau proses pendaftaran kursus bagi setiap semester selaras dengan struktur dan penawaran kursus bagi setiap semester pengajian.
- Merancang, membina, menyelaraskan dan memantau Jadual Waktu Kuliah dan penggunaan dewan, bilik-bilik kuliah dan tutorial selaras dengan penawaran kursus daripada fakulti-fakulti.
- Menerima borang-borang Permohonan Menghadiri Persidangan dan Cuti Persidangan (Borang PCP) untuk dimesyuaratkan dalam mesyuarat JPCP sebelum menghadapkan hasil daripada mesyuarat berkenaan ke Bahagian Pentadbiran KUPU SB untuk tindakan susulan mengenainya.
- Tugas-tugas lain berkaitan yang diarahkan dari ketua dari semasa ke semasa.

اونيت كماسوكن دان ريكود قلاجر

Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar

- Mengurus kemasukan dan pendaftaran pelajar baharu pra-siswazah setiap sesi pengajian mengikut dasar dan ketetapan KUPU SB dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- Membantu Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan dalam pengurusan kemasukan pelajar-pelajar Pasca-Siswazah.
- Sebagai Urus Setia kepada mesyuarat Jawatankuasa Kemasukan (JKK) KUPU SB.
- Menyelaraskan penyediaan Iklan kemasukan berdasarkan keputusan mesyuarat JKK untuk setiap tahun pengambilan.
- Melibatkan diri dalam promosi pengajian di KUPU SB dalam bentuk jerayawara, pameran, ekspo dalam dan luar negara dan memberikan khidmat konsultasi kepada calon-calon untuk memilih program dan bidang mengikut kesesuaian.
- Mengurus pembelian dan penerimaan borang-borang kemasukan mengikut pengajian di KUPU SB untuk seluruh program-program yang ditawarkan.
- Pengurusan temuduga kemasukan dan penapisan calon-calon yang layak ditemuduga mengikut program-program yang dipohonkan selaras dengan keperluan fakulti yang berkaitan.
- Menyediakan dan mengemaskini rekod pelajar sepanjang pengajian mereka di KUPU SB.
- Menyediakan senarai nama pelajar yang terkini bagi setiap semester pengajian berpandukan keputusan peperiksaan akhir semester bagi tujuan pendaftaran ke semester berikutnya.

- Menyediakan statistik keramaian pelajar dan graduan setiap tahun.
- Hubungan dengan pihak luar yang berkaitan dengan proses dan prosedur kemasukan sama ada dalam dan luar negara.
- Tugas-tugas lain berkaitan yang diarahkan dari ketua dari semasa ke semasa.

اونيت ققريقسآن دان ققآجازهن

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- Memantau pelaksanaan peraturan peperiksaan yang berkuatkuasa sepanjang pengajian dan menyusun serta menyediakan jadual pengurusan peperiksaan bagi setiap semester untuk diedarkan kepada fakulti-fakulti.
- Mengurus dan menyelarar pendaftaran kursus dan mengeluarkan slip pendaftaran peperiksaan pelajar bagi setiap semester pengajian dengan penyelarasan kursus-kursus yang ditawarkan untuk setiap program.
- Menerima, memproses dan memastikan keselamatan kertas-kertas soalan peperiksaan akhir, peperiksaan ulangan, peperiksaan khas dan peperiksaan tambahan.
- Membuat susulan tindakan kepada fakulti-fakulti berkaitan dengan jadual pengurusan peperiksaan mengikut prosedur dan garis masa (timeline) yang ditetapkan.
- Menyediakan pangkalan data (database) bagi pemprosesan markah-markah, gred dan nilai gred setiap peperiksaan berpandukan kepada peraturan peperiksaan yang berkuatkuasa.
- Mengeluarkan surat-surat amaran, penghalangan peperiksaan dan maklumat peperiksaan susulan permakluman dan permohonan daripada fakulti/pusat.
- Menyelarar markah dan gred yang diperolehi dari universiti lain untuk pelajar yang dalam Program Pertukaran Pelajar (SEP) dan Program Belajar di Luar Negara (SAP) selaras dengan ketetapan penyetaraan kredit daripada fakulti yang berkaitan.
- Menyedia, membangun dan mengurus jadual Waktu Peperiksaan setiap semester pengajian dengan mengambil perhatian kepada kursus-kursus kritikal yang ditetapkan oleh fakulti/pusat.
- Urus setia kepada mesyuarat Lembaga Peperiksaan Kolej Universiti (LPKU) dan Lembaga Pemeriksa Lepas Ijazah (LPLI) serta membantu fakulti dalam pengurusan mesyuarat Lembaga Peperiksaan Fakulti (LPF) dalam penyediaan bahan-bahan agenda.
- Bertanggungjawab mengeluarkan slip peperiksaan setiap semester dan penyediaan transkripsi keseluruhan keputusan serta menyediakan sijil-sijil graduan dan segala pengurusan yang berkaitan dengan pengijazahan.
- kTugas-tugas lain berkaitan yang diarahkan oleh ketua dari semasa ke semasa.

ستاف Staf



Pemangku Timbalan Pendaftar (Akademik)
Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman



Penolong Pendaftar (Peperiksaan)
Abdullah bin Haji Zaini




Pegawai Pelajaran Ugama selaku Penolong Pendaftar (Kemasukan dan Rekod Pelajar)
Pg Anak Hajah Norsyedda binti Pg Anak Haji Ismail



Penolong Pegawai Peperiksaan
Mordiah binti Haji Taib



Penolong Pegawai Ugama
Haji Ismail bin Haji Samsu



Penolong Pegawai Ugama
Haji Khairolapshah bin Haji Serudin



Staf Sokongan
Rohana binti Haji Abdul Wahab

بهاكین حال احوال قلاجر

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Misi 101

Objektif 101

Fungsi 101

Staf 101

Aktiviti Pelajar 103
(Dalam dan Luar Negeri)

ميسي

Misi

Mengurus Hal Ehwal Pelajar

اوبجيكثيف

Objektif

- Memberikan motivasi melalui perkhidmatan program yang komprehensif dan sistematik bagi pembangunan sahsiah pelajar.
- Memberikan pengukuhan ilmu Fardhu 'Ain.
- Memberikan dan mengembangkan program pembangunan sahsiah dan kepimpinan.
- Menggalak dan melibatkan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan.

فوغسي

Fungsi

- Merancang, memantau perkhidmatan dan kemudahan kepada pelajar di samping berusaha menyediakan suasana kampus khususnya kolej kediaman yang kondusif untuk pembelajaran dan pembangunan sahsiah pelajar.
- Merancang, mengurus dan memantau kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan pelajar agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian mereka.
- Melahirkan dan meningkatkan kualiti kepimpinan organisasi pelajar dengan menjana kepimpinan dan sahsiah pelajar melalui perancangan aktiviti-aktiviti berpersatuan, kerohanian, kesenian dan kebudayaan Islam, sukan dan rekreasi, keusahawanan, informasi dan publisiti, dan khidmat masyarakat.
- Merancang, mengurus dan menyelaras kewangan pelajar.
- Merancang dan mengurus dasar-dasar dan peraturan berkaitan dengan fungsi dan pengurusan Hal Ehwal Pelajar.
- Merancang, mengurus dan memantau pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.
- Merancang, mengurus dan memantau aktiviti pembangunan sahsiah, kerohanian, kesenian dan kebudayaan, latihan dan kepimpinan pelajar.
- Merancang, mengurus dan memantau aktiviti perkhidmatan dan kebajikan pelajar.
- Merancang dan menyediakan aktiviti perkembangan tenaga kerja Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

ستاف

Staf



Dekan

Ustaz Haji Hambali bin Haji Jaili,

M.A (Usuluddin), Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia; B.A Usuluddin (Tafsir dan Ulum Quran) Universiti Al-Azhar, Mesir; PGCE (TASL) UBD, Brunei Darussalam.



Timbalan Dekan

Hajah Siti Juriah @ Hajah Raneya Fatehah binti Haji Japar

M.A (Syariah), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam; B.A (Syariah) Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

**Ketua Unit Bimbingan Dan Kaunseling**

Ali Hardi bin Haji Mohammad,

B.A (Pendidikan Psikologi dan Kaunseling), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia; Sijil Kaunseling, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam; Sijil Latihan Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Ketua Unit Kerohanian**

Haji Manan bin Haji Osman,

Sarjana Muda Perguruan Ugama (Usuluddin), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Sijil Latihan Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Penolong Pegawai Kesejahteraan****Unit Kesejahteraan Siswa**

Haji Noradi Hishamuddin bin Haji Ahmad

**Unit Kerohanian Siswi**

Hajah Asmah binti Haji Suhaili



Hajah Aisah binti Haji Mustapa

**Penolong Pegawai Kesejahteraan****Unit Kesejahteraan Siswi**

Hajah Norainun binti Haji Samsu

**Penyelia Asrama**

Hajah Mariah binti Haji Kamis

**Penolong Pendaftar (Pemangku)**

Haji Manan bin Haji Osman

**Staf Sokongan**


Siti Rasiah binti Samat



Staf Sokongan
Norizan binti Haji Yahya



Staf Sokongan
Suryani binti Haji Mat Omar



Staf Sokongan
Hajah Jariah binti Haji Mohd Sidek

اكتيفيتي - اکتیویتی فلاجر (دالم دان لوار نڬارا) Aktiviti-aktiviti Pelajar (Dalam dan Luar Negeri)

- Menyertai acara-acara rasmi Negara.
- Mengadakan ceramah, forum, pertandingan, majlis-majlis keugamaan dan bengkel.
- Melaksanakan program Amali Ugama di lapangan.
- Mengadakan pameran ilmiah dalam dan luar kampus.
- Mengadakan program Khidmat Masyarakat berbentuk suka-duka.
- Mengaktifkan diri dalam acara-acara sukan dalam dan luar kampus.
- Mengikuti kursus-kursus motivasi dan kepimpinan.
- Mengadakan lawatan sambil belajar.
- Melibatkan diri dalam pasukan beruniform.
- *Study Abroad Programme* (SAP)
- *Student Exchange Programme* (SEP)
- *Study Visit Programme* (SVP)
- Program Perkembangan Intelektual Pelajar (PPIP)

قجابت انتارابغسا دان قرهوبوغن عوام

PEJABAT ANTARABANGSA DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pengenalan 105

Objektif 105

Unit 105

Tugas dan Tanggungjawab 105

Staf 106

قشنا لن

Pengenalan

Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) adalah di bawah kawalan Timbalan Ra'es. Penubuhan Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam telah diluluskan oleh Senat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah bersidang pada 21 Rabiulawal 1436 bersamaan 11 Februari 2015.

اوبجىكتىف

Objektif

Penubuhan Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam di KUPU SB adalah bagi membina dan mengembanguaskan hubungan antara KUPU SB dengan pihak-pihak berkepentingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Lebih-lebih lagi di barisan institusi institusi pengajian tinggi tempatan, serantau dan antarabangsa. Ia termasuk untuk meningkatkan strategik pengurusan perhubungan dan pengurusan reputasi KUPU SB.

اونىت

Unit

Sebagai sebuah bahagian yang mempunyai dua peranan pengurusan dengan skop tugas dan tanggungjawab yang berlainan, maka dicadangkan bahagian ini dibahagikan kepada dua unit, bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersistematik iaitu; (1) Unit Antarabangsa, dan (2) Unit Perhubungan Awam.

توكس دان تىكوغجواب اونىت انتارابغسا

Tugas Dan Tanggungjawab Unit Antarabangsa

- i. Menguruskan memorandum-memorandum persefahaman (MoU) / persetujuan (MoA) antara KUPU SB dengan institusi pengajian tinggi dalam bidang pendidikan guru.
- ii. Pembangunan dan pengurusan perhubungan antarabangsa melibatkan lawatan-lawatan, acara-acara, promosi pengajian di KUPU SB, liputan media dan rangkaian dengan berbagai rakan kongsi di peringkat serantau dan antarabangsa.
- iii. Pengurusan program-program berkaitan pelajar melibatkan program pengajian di luar negara termasuk praktik mengajar di luar negara, pertukaran pelajar, lawatan ilmiah serta maklumat yang berkaitan dengannya.

توکس دان تڠکوڠجواب اونیت قرهوبوڠن عوام

Tugas Dan Tanggungjawab Unit Perhubungan Awam

- i. Kerja-kerja penghebahan mengenai berita-berita Kolej Universiti, acara-acara tempatan dalam dan luar kampus, sebarang pembangunan dan perkembangan pencapaian projek-projek masa kini dan di masa hadapan.
- ii. Menjadi pihak tumpuan bagi semua agensi media bagi penghebahan sebarang maklumat dengan tepat termasuk pihak awam yang berkaitan termasuk acara “belajar di KUPU SB”, promosi pengajian di KUPU SB, mengikuti dan penglibatan dalam jemputan-jemputan dalam pameran dan lain-lain.

ستاف Staf



Pengarah

Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar

Ph.D (Syariah) Takhasus Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Jordan, Jordan, M.A Syariah (Fiqh wal Usul), Universiti Jordan, Jordan; B.A (Syariah wal Kanun), Universiti al-Azhar, Mesir.



Penolong Pendaftar

Mohammad Azriman bin Sarbini



سیستم قنیلاین

Sistem Penilaian

Pendahuluan

Kaedah penilaian bagi program sarjana muda, diploma tertinggi, diploma dan sijil untuk sesuatu kursus bergantung kepada objektif dan kandungan kursus. Nisbah sumbangan atau pemberatan sesuatu kaedah penilaian dalam jumlah markah akhir akan ditentukan oleh fakulti, misalnya : 60% Kerja Kursus dan 40% Peperiksaan Akhir, atau 70% Kerja Kursus, 30% Peperiksaan Bertulis dan/atau Lisan atau sebaliknya. Kursus yang berbentuk praktikal atau projek seperti Praktik Mengajar (PM) atau Tarannum dan seumpamanya, boleh dinilai 100% berdasarkan penilaian berterusan sepanjang tempoh amali berkenaan, tanpa ujian bertulis.

Skema pemarkahan gred dan mata nilai gred bagi setiap kursus

KURSUS PERMARKAHAN GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred	Nilai Gred	Pangkat
85-100	A	4.00	CEMERLANG
75-84	A-	3.67	CEMERLANG
70-74	B+	3.33	SANGAT BAIK
65-69	B	3.00	SANGAT BAIK
60-64	B-	2.67	BAIK
55-59	C+	2.33	BAIK
50-54	C	2.00	LULUS
45-49	C-	1.67	LULUS
40-44	D	1.00	LULUS
00-39	F	0.00	GAGAL

Skema pemarkahan gred dan mata nilai gred bagi kursus praktik mengajar

KURSUS PERMARKAHAN GRED DAN MATA NILAIAN GRED BAGI KURSUS PRAKTIK MENGAJAR

Markah	Gred	Nilai gred	Pangkat
85-100	A	4.00	CEMERLANG
75-84	A-	3.67	CEMERLANG
70-74	B+	3.33	SANGAT BAIK
65-69	B	3.00	SANGAT BAIK
60-64	B-	2.67	BAIK
55-59	C+	2.33	BAIK
50-54	C	2.00	LULUS
00-49	F	0.00	GAGAL

Status pelajar dan pengiraan menentukan status

1. Status Lulus

Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 dan ke atas.

2. Status Lulus Bersyarat

Status pendaftaran yang diberikan kepada pelajar dalam sesuatu semester di mana pelajar tersebut telah menduduki peperiksaan akhir dan mendapat PNGK di antara 1.70 hingga 1.99 untuk semester berkenaan

3. Status Mengulang Semester

Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69, ia dibenarkan Mengulang Semester (MS).

4. Status Gagal dan Diberhentikan

Seseorang pelajar adalah gagal dan diberhentikan (GB) jika:

- 4.1. mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau
- 4.2. mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dan berada dalam status LB atau MS pada tempoh dua semester berturut-turut tidak termasuk semester I bagi pelajar tahun satu.

5. Status Pendaftaran Semula

Pelajar yang gagal dan diberhentikan pengajiannya atas sebab di bawah perkara 4.1. dan 4.2. boleh memohon pendaftaran semula kepada pihak Kolej Universiti tertakluk kepada kebenaran.

Peperiksaan Semula (*Resit Examination*)

Kes-kes khas perlu dirujuk kepada Lembaga Peperiksaan KUPU SB yang akan menentukan status kes dan penyelesaiannya.

Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

1. Prestasi akademik pelajar bagi sesuatu semester ditunjukkan oleh PNG dan PNGK.
2. PNG ditentukan dengan membahagikan jumlah nilai gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester.
3. PNGK ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah dijalankan dalam dua atau lebih semester.

Contoh berikut menunjukkan bagaimana PNG dan PNGK ditentukan:

Semester I

Kod	Kursus	Kredit	Gred	Nilai Gred	Jumlah Nilai Gred Semester (Nilai Gred X Kredit)
IT 1104	TASAWWUR ISLAM	3	B	3.00	9.00
IT 1103	MELAYU ISLAM BERAJA	2	B	3.00	6.00
IT 1105	BACAAN AL-QUR'AN DAN HAFAZAN	2	B+	3.50	7.00
PD 1203	PERK. KURIKULUM PEL. UGAMA	2	A	4.00	8.00
PD 1207	SISTEM PENDIDIKAN NBD	2	C+	2.50	5.00
BI 1201	ENGLISH LANGUAGE I	2	A-	3.75	7.50
US 1201	AQIDAH ISLAMIYYAH I	3	A	4.00	12.00
Jumlah		16			54.50

Purata Nilai Gred [PNG] (Jumlah Nilai Gred Semester) ÷ (Jumlah Kredit Diperoleh) **3.41**

Semester II

Kod	Kursus	Kredit	Gred	Nilai Gred	Jumlah Nilai Gred Semester (Nilai Gred X Kredit)
IT 1108	BACAAN AL-QUR'AN DAN HAFAZAN	2	B	3.00	6.00
BA 1204	AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH V	3	A-	3.75	11.25
PD 1202	FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM: TEORI DAN APLIKASI	2	A	4.00	8.00
PD 1206	PRAKTIK MENGAJAR I	2	A-	3.75	7.50
PD 1205	METOD PENGAJARAN UGAMA I	3	A	4.00	12.00
US 1202	AQIDAH ISLAMIYYAH I	3	A	4.00	12.00
US 1203	PENDIDIKAN SYI'AR ISLAM	3	C	2.00	6.00
Jumlah		18			62.75

Purata Nilai Gred [PNG] (Jumlah Nilai Gred Semester) ÷ (Jumlah Kredit Diperoleh) **3.49**

Purata Nilai Gred Kumulatif [PNGK]

PNGK = jumlah nilai gred kedua-dua semester ÷ jumlah kredit kursus kedua-dua semester

PNGK = $(54.50 + 62.75) \div (16 + 18)$

PNGK = 3.45

Pangkat bagi satu tahun akademik : Baik
Status : Lulus

4. Mata gred dan kredit yang diperolehi dalam mana-mana semester hendaklah dimasukkan ke dalam pengiraan PNG dan PNGK semester berkenaan.
5. Gred F tidak diberikan sebarang mata gred atau kredit walaupun jumlah kredit bagi kursus berkenaan dimasukkan dalam pengiraan PNG dan PNGK.
6. Pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menangguhkannya akan diberi gred F dan diambilkira dalam penentuan PNG dan PNGK.
7. Pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan yang ditetapkan untuk sesuatu kursus disebabkan kedatangan kuliah yang tidak memuaskan (kurang daripada 85% tanpa kebenaran dalam kuliah, tutorial, praktikal atau pembelajaran formal lain) atau prestasi yang kurang memuaskan dalam kerja kursus (seperti pelajar yang memperolehi markah kurang daripada 40% dari markah yang ditetapkan untuk kerja kursus dalam sesuatu semester).

Pelajar juga boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan yang ditetapkan dalam apa jua semester jika kehadirannya kurang daripada 75% walaupun dengan makluman dan kebenaran (dalam kuliah, tutorial, praktikal atau pembelajaran formal lain) dalam semester berkenaan.

8. Kursus-kursus yang diberi gred bertanda L/K (Lulus/Kandas), TL (Tidak Lengkap), SM (Sedang Maju), U (Audit), TD (Tarik Diri) dan TP (Tangguh Peperiksaan) tidak diambil kira dalam penentuan PNG dan PNGK.
9. Mana-mana pelajar yang dijatuhkan hukuman tatatertib yang melanggar peraturan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan akan diberi gred F bagi kertas peperiksaan berkenaan melainkan Majlis Kolej Universiti memutuskan sebaliknya.

Kelayakan Bergraduat

- Seseorang pelajar layak untuk bergraduat setelah memenuhi syarat-syarat berikut:
 1. Berdaftar sepenuhnya dengan KUPU SB.
 2. Telah menyempurnakan semua kursus dengan memuaskan.
 3. Lulus dalam peperiksaan dan menyiapkan projek yang telah ditetapkan.
 4. Mencapai purata timbunan tidak kurang daripada 2.00.
 5. Telah menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan oleh KUPU SB

i. Klasifikasi Ijazah Sarjana Muda:

PNGK	Pangkat
3.60 – 4.00	Cemerlang
3.00– 3.59	Sangat Baik
2.40 – 2.99	Baik
2.00 – 2.39	Lulus

ii. Klasifikasi Diploma Lepas Ijazah, Diploma Tertinggi, Diploma dan Sijil:

PNGK	Pangkat
3.60 – 4.00	Cemerlang
2.80 – 3.59	Kepujian
2.00 – 2.79	Lulus



يورن قڭاجين

Yuran Pengajian

Yuran pengajian KUPU SB adalah seperti berikut:

1. YURAN PENERIMAAN TAWARAN KURSUS

Pembayaran bagi semua pelajar menerima tawaran B\$100.00 untuk kemasukan
(wang tidak dikembalikan jika pelajar gagal untuk mendaftar)

2. YURAN PENDAFTARAN

- Pendaftaran bagi semua pelajar untuk kemasukan B\$20.00

Bayaran cagaran kursus

(Dibayar semasa pendaftaran kemasukan)

- Sijil/Diploma/Ijazah Pertama *(untuk pelajar persendirian)* B\$250.00 per program
- Diploma Lulusan Ijazah/Ijazah Tertinggi *(untuk pelajar persendirian)* B\$500.00 per program

3. YURAN PEPERIKSAAN

- Yuran peperiksaan atau peperiksaan ulangan bagi tesis Ijazah Doktor Falsafah *(Boleh dibayar semasa menyerahkan tesis untuk peperiksaan atau peperiksaan ulangan)* B\$750.00
- Yuran peperiksaan atau peperiksaan ulangan bagi disertasi Ijazah Sarjana *(Boleh dibayar semasa menyerahkan disertasi untuk peperiksaan atau peperiksaan ulangan)* B\$500.00
- Menyemak kembali keputusan peperiksaan *(Pembayaran mestilah dibuat dalam masa tiga (3) hari sewaktu bekerja dari tarikh penyiaran keputusan secara rasmi dari Lembaga Peperiksaan KUPU SB)* B\$50.00 setiap kursus
- Menyemak kembali klasifikasi Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil *(Pembayaran mestilah dibuat dalam masa tiga (3) hari sewaktu bekerja dari hari senarai graduan diumumkan)* B\$50.00

4. YURAN PERSATUAN PELAJAR

- Yuran hendaklah dibayar oleh pelajar sepenuh masa bagi Ijazah/Diploma dan Sijil B\$60.00 *setahun*

5. YURAN PENGAJIAN - Pelajar Persendirian (Tempatan dan Antarabangsa)

- Ijazah Doktor Falsafah - sepenuh masa/separuh masa B\$9,000.00 *per program*
- Ijazah Sarjana (*Kerja kursus sahaja*) - sepenuh masa/separuh masa B\$3,000.00 *per program*
- Ijazah Sarjana (*kajian sahaja*) - sepenuh masa/separuh masa B\$3,000.00 *per program*
- Diploma Lulusan Ijazah - sepenuh masa/separuh masa B\$3,000.00 *setahun*
- Ijazah Sarjana Muda - sepenuh masa/separuh masa B\$3,000.00 *setahun*
- Diploma Tertinggi - sepenuh masa/separuh masa B\$2,700.00 *setahun*
- Diploma - sepenuh masa/separuh masa B\$2,500.00 *setahun*

6. KURSUS TANPA PENGIJAZAHAN (dibayar mengikut semester)

- Yuran pengajian setiap kursus tidak melebihi 4 unit bagi Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda B\$150.00 *setiap semester*
- Yuran pengajian setiap kursus tidak melebihi 4 unit bagi Diploma Lulusan Ijazah/Diploma/Ijazah lanjutan B\$200.00 *setiap semester*

الحمد لله



Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan, BA 2111
Negara Brunei Darussalam,
Tel: (+673) 2236277 Fax: (+673) 2225226
Laman Web: www.kupu-sb.edu.bn
E-mel: info@kupu-sb.edu.bn